

Kerancangan pertandingan bukti demokrasi

BH 29 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Selasa — Kemenangan tanpa bertanding Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno, bukan bermakna demokrasi dalam parti itu sudah mati.

Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata demokrasi masih hidup dalam Umno berdasarkan kerancangan pertandingan jawatan lain terutama jawatan Naib Presiden dan Majlis Tertinggi.

Beliau berkata, kemenangan dua pucuk pimpinan itu adalah disebabkan ahli Umno memilih untuk mengikut nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pertandingan tidak diadakan bagi mengelak perpecahan parti.

"Nampaknya, ahli Umno memilih untuk mengikut nasihat Perdana Menteri walaupun nasihat itu tidak semestinya dipatuhi," katanya selepas melancarkan projek penswastaaan Kern Transit dan Rejimen 502 Askar Wataniah di tapak projek berhampiran Wisma Pertahanan di sini, hari ini.

Semalam, Abdullah mengesahkan kemenangannya bagi jawatan timbalan presiden selepas menerima 133 pencalonan iaitu jumlah minimum bagi menang tanpa bertanding.

Perdana Menteri juga me-

ngekalkan jawatan presiden apabila mengumpulkan 133 pencalonan, melebihi jumlah minimum iaitu 116 pencalonan bagi mengekalkan jawatan itu.

Kemenangan itu bermakna Abdullah mengisi kekosongan Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Timbalan Presiden selepas dipecat dari parti dan kerajaan pada September 1998, manakala Mahathir mempertahankan jawatannya.

Teka-teki yang mengatakan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah akan mencabar dua jawatan tertinggi parti, terpadam dengan sendirinya.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, Perhimpunan Agung Umno pada 11 Mei ini tetap diadakan dengan meriah berikutan kerancangan pertandingan jawatan lain.

"Bagi jawatan Naib Presiden dan Majlis Tertinggi, pertandingannya tetap hangat. Malah, sesetengah bahagian menyerahkan perwakilkan untuk memilih calon bagi dua jawatan tertinggi itu," katanya.

Mengenai sama ada cara itu akan dilaksanakan pada pemilihan akan datang, Najib berkata: "Kita akan lihat perkembangannya nanti. Jika ia mengukuhkan parti mungkin boleh diteruskan, jika tidak, mungkin ada cara lain," katanya.